

Asean perlu kesatuan bantah Myanmar

BH 23/7/03

KUALA LUMPUR: Wakil Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail meminta pemimpin Asean membentuk kesatuan bagi menyuarakan bantahan terhadap tindakan Myanmar menahan pemimpin pro demokrasi, Aung San Suu Kyi.

Razali berkata, kini sudah tiba masanya semua pemimpin Asean menentang tindakan yang dianggap sungguh tidak beretika.

Katanya, semua pemimpin juga perlu peka mengenai keadaan persekitaran mereka dan berusaha mengatasinya menerusi perbincangan bersama.

"Asean kini berhadapan dengan situasi yang begitu kritikal mengenai apa yang berlaku di Myanmar. Pendapat serta pandangan di kalangan semua pemimpin Asean diperlukan bagi menyelesaikan krisis itu," katanya.

Razali berkata demikian ketika dimiita mengulas tindakan Asean dalam menghadapi situasi tidak menentu di Myanmar dan penahanan Suu Kyi.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri majlis memeterai perjanjian taja jamin penyenggaraan syarikat kejuruteraan air, Salcon Bhd dengan penaja jaminannya, Am-Merchant Bank Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

"Asean perlu membentuk jawatankuasa khas bagi menangani krisis itu supaya ia tidak berlarutan hingga menjejaskan imej Asean itu sendiri yang diwujudkan atas dasar persefahaman serantau," katanya.

Mengulas tempoh masa yang ditetapkan bagi Asean untuk membentuk jawatankuasa itu, Razali berkata, perkara itu bukan membabitkan perhubungan perniagaan, jadi tidak ada tempah masa diberikan.

Bagaimanapun, beliau berkata, melihatkan keadaan kini yang begitu mendesak, pemimpin Asean perlu segera berbincang untuk mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah itu.

Beliau berkata, tidak ada tokoh tertentu di

Asean yang boleh bertindak sendirian mengenai masalah di Myanmar kerana isu itu perlu ditangani semua pihak dan dilaksanakan secara bersepadu di kalangan pemimpin Asean.

"PBB ingin melihat semua pemimpin Asean membentuk kesatuan untuk menangani krisis di Myanmar dan tindakan junta tentera dihentikan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kenyataannya sebelum ini membayangkan Myanmar mungkin menghadapi penyingkiran daripada Asean jika tidak mendengar pandangan rakan serantainya mengenai isu penahanan Suu Kyi.

Dr Mahathir menyatakan perkara itu, kerana beliau adalah orang yang memainkan peranan penting membawa masuk Myanmar sebagai anggota Asean pada 1997.

Malaysia adalah negara yang bersungguh-sungguh ingin melihat Myanmar menjadi ahli keluarga badan serantau itu.

Suu Kyi, pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) yang memenangi pilihan raya Myanmar pada 1990 tetapi dinafikan hak memerintah oleh junta tentera, ditahan pada 30 Mei lalu apabila rombongannya diserang kumpulan pro-junta ketika pemenang Hadiah Nobel Keamanan itu melawat utara Myanmar.

Kejadian berkenaan mencetuskan gerakan besar-besaran bagi memburu anggota NLD yang menyebabkan keseluruhan pemimpinnya dipenjara atau dikenakan tahanan rumah.

Walaupun pihak junta berkeras mengatakan Suu Kyi hanya ditahan sementara bagi melindungi keselamatannya, belum ada tanda-tanda bila pemimpin itu akan dibebaskan sekalipun hebat didesak PBB dan seluruh dunia.

Sementara itu, DAP menyokong amaran Dr Mahathir supaya junta tentera Myanmar membebaskan Suu Kyi atau negara itu berdepan dengan penyingkiran dari Asean.